

KABINET BANYAK

Dirombak selepas sidang perhimpunan UMNO

Oleh JAMALUDIN ABU BAKAR



DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed tidak difahamkan tidak akan membuat perubahan besar dalam barisan anggota Kabinetnya yang akan diumumkan esok.

Tiga Menteri baru dan tujuh Timbalan Menteri akan dilantik berikutan kekosongan yang wujud.

Berita Harian difahamkan, tiga Menteri baru yang akan dilantik ialah bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim, bekas Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Mak Hon Kim dan Datuk Stephen Yong dari SUPP.

Timbalan Menteri baru yang dilantik pula terdiri dari bekas pemimpin ABIM, Encik Anwar Ibrahim, (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri), Encik Daim Zainuddin (Kewangan), bekas Menteri Besar Pahang, Encik Abdul Rahim bin Abu Bakar (Dalam Negeri),

Encik Mahyudin Mohd Yusoff (luar Negeri), Datin Paduka Zaheda Ismail (Penerangan), Timbalan Presiden MIC, Encik S. Subramaniam (Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Setiausaha Parlimen Kementerian Awam, Encik Hussein Mahmud (Wilayah Persekutuan), Datuk Lee Kim Sai (Kewangan) dan seorang lagi dari parti SNAP, Sarawak.

Punca-punca yang rapat dengan Perdana Menteri memberitahu, senarai anggota Kabinet yang diumumkan esok merupakan sementara sahaja kerana rombakan Kabinet akan dilakukan selepas Perhimpunan Agung UMNO nanti.

Seorang pembantu rapat Perdana Menteri memberitahu, "saya tidak fikir perubahan besar berlaku dalam Kabinet yang diumumkan esok."

"Ini ramalan saya sahaja kerana Datuk Seri Dr. Mahathir nampaknya sehingga pelang ini tidak dapat menyenaraikan anggota Kabinet secara positif kerana "belum ada ilham," kata beliau.

Begitupun, beliau berani menyatakan bahawa jawatan Menteri Pelajaran akan kekal dipegang oleh Datuk Dr. Sulaiman Daud manakangkan beliau akan menghadiri perundingan di Paris, lain ini.

Menteri-menteri lain yang akan kekal dengan portpolio masing-masing ialah Tengku Razaleigh Hamsah (Kewangan), Tengku Ahmad Rithauddeen (Perdagangan dan Perindustrian), Datuk S. Samy Veilu (Kerja Raya), Datuk Lee San Choon (Pengkangkutan), Encik Sanusi Junid (Pembangunan Negara dan Luar Bandar),

Manakala Menteri Pertanian, Datuk Manan Othman, Menteri Perumahan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Neo Yee Fan dan Datin Paduka Aishah Ghani belum pasti portfolio mereka.

Datuk Rais belum pasti Kementerian mana akan dipimpinya meskipun ramalan mengemukakan beliau akan mengambilalih tempat Datuk Seri Shariff Ahmad yang tidak bertanding dalam pilihanraya umum lalu.

Datuk Mak pula akan memegang portfolio Buruh dan Tenaga Karyawati dan Datuk Stephen Yong di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Punca yang rapat dengan Perdana Menteri memberitahu, MCA atau Gerakan atau mana mana parti sekalipun tidak mungkin dapat kerusi Kabinet tambahan.

"Kalau mahu tambah kerusi Kabinet bermakna beberapa Kementerian baru terpaksa diwujudkan dan ini tidak mungkin berlaku," ujarnya.

MCA mahu lima kerusi Kabinet, iaitu tambah satu dan bergitu juga jawatan Timbalan Menteri di samping tiga kerusi Kabinet tambahan.

Bellau menambah, jika MCA diberi tambahan maka parti-parti lain juga mahu tambah kerusi.

Begitupun, kemungkinan akan ditawarkan Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen akan diwujudkan di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Kabinet lalu mengandungi 24 Menteri, 24 Timbalan Menteri dan sembilan Setiausaha Parlimen.

Bahan asal dari Arki
Negara Malaysia

No. Siri 2691
No. Penerimaan 437/88